

Pandangan Syarak Mengenai Pengurusan Pelupusan Teks atau Bahan al Qur'ān: Realiti Aplikasi di Malaysia

Taqwa binti Zabidi

Bahagian Maqasid Syariah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Siti Nur Hidayah binti Kusnin

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Jabatan Agama Islam Selangor

Abstrak

Al-Qur'ān merupakan sumber wahyu dan memiliki mukjizat yang tidak boleh disangkal oleh sesiapa pun sehingga ke hari Kiamat. Adab terhadap al-Qur'ān perlu dijaga oleh umat Islam bermula dari memegang mushaf, membacanya seterusnya melupuskan teks¹ atau bahan al Qur'ān. Akta Pencetakan Teks Al-Qur'ān (APTQ) 1986 dan fatwa telah menggariskan panduan dalam menguruskan pelupusan teks atau bahan al Qur'ān. Dalam artikel ini, penulis akan menjelaskan pandangan Syarak dalam pengurusan pelupusan teks atau bahan al-Qur'ān dan merumus realiti aplikasi yang diamalkan di Malaysia. Pengurusan sedia ada dilihat praktikal untuk dilaksanakan di Malaysia dan sentiasa menerima cadangan penambahbaikan berdasarkan penyelidikan dari semasa ke semasa.

Kata kunci: al Qur'ān, pelupusan, teks atau bahan, fatwa

Pendahuluan

Tidak dapat dinafikan bahawa kedudukan al-Qur'ān sebagai sebuah panduan kepada seluruh umat amat terpelihara. Sepertimana Allah SWT berfirman dengan mafhumnya bahawa al-Qur'ān akan terus terpelihara, begitulah yang dapat kita saksikan mukjizat al-Qur'ān yang telah

¹ “teks Al-Qur'an” ertinya sesuatu dokumen yang mengandungi teks bahasa Arab yang lengkap bagi Al-Qur'an atau mana-mana bahagiannya yang mengandungi satu juzu' atau lebih sama ada dengan terjemahan atau tafsiran atau tidak, mengikut mana-mana yang berkenaan. Lihat lanjut dalam Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986, cet. 2008, hlm. 7.

diturunkan lebih 1400 tahun lalu masih kekal seperti asalnya. Namun, al-Qur'ān yang dicetak dan diterbitkan secara fizikalnya turut mempunyai sifat tidak kekal sepertimana buku-buku lain yang dicetak. Akan tiba tempoh tertentu apabila mashaf ini perlu dilupuskan apabila ia tidak boleh dibaca dan dirujuk lagi.

Pelupusan al-Qur'ān yang dinyatakan di sini adalah berkait dengan entiti al-Qur'ān secara fizikal yang dicetak di atas kertas dan disusun atur dengan susunan yang menarik lagi indah. Perlu diingatkan bahawa pelupusan al-Qur'ān tidak akan menyebabkan pelupusan kandungannya.

مَا عِنْدَكُمْ يَنْفَدُ وَمَا عِنْدَ اللَّهِ بَاقٍ ۗ وَلَنَجْزِيَنَّهُ الَّذِينَ صَبَرُوا أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ
مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

Surah al-Nahl, 16:96

Maksudnya: Apa yang ada pada kamu lenyap dan apa yang ada di sisi

Allah kekal.....²

Ia menunjukkan bahawa apa yang dihasilkan oleh manusia seperti percetakan al-Qur'ān bersifat tidak kekal, tetapi kandungan al-Qur'ān tersebut tetap bersifat kekal kerana ia merupakan *kalam* Allah yang telah dijanjikan terpelihara daripada sebarang kerosakan.

Kaedah Pelupusan Al-Qur'ān Menurut Perspektif Syarak

Kitab al-Qur'ān terdedah kepada kerosakan atas dua faktor utama iaitu faktor semula jadi atau faktor mendatang. Faktor semula jadi adalah seperti proses pereputan dan pengoksidaan. Faktor mendatang adalah seperti rosak, terkoyak, usang dan sebagainya. Dalam keadaan ini, al-Qur'ān tersebut tidak dapat dirujuk kerana hilang sebahagian halamannya atau rosak keseluruhannya. Oleh yang demikian, pelupusan teks al-Qur'ān perlu dilaksanakan dengan kaedah yang betul.

² Semua terjemahan ayat al-Quran dalam tulisan ini adalah ditulis berdasarkan karya Sheikh Abdullah Basmeih, 2014, *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*, cet. 14. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Tidak ada nas di dalam al-Qur’ān yang menjelaskan kaedah pelupusan mashaf al-Qur’ān. Namun, ia dicatatkan dalam Sahih al-Bukhari mengenai apa yang berlaku di zaman pemerintahan Saidina ‘Uthmān bin Affan, khalifah Islam yang ketiga. Apa yang berlaku ketika itu adalah rentetan sejarah sewaktu keberadaan Nabi Muhammad SAW lagi. Proses pengumpulan al-Qur’ān ketika wahyu diturunkan dalam dua bentuk iaitu melalui hafazan oleh para Sahabat RA dan juga dengan cara penulisan pada pelepah tamar, *likhaf – hijarah*, kulit, tulang, *aqtab-khushab*.³ Sehingga pada zaman Saidina Abu Bakar RA, al-Qur’ān mula dikumpulkan secara bertulis di atas kertas. Abu Bakar meminta Zaid bin Thabit membuat pengumpulan bertulis tersebut rentetan daripada perang Yamamah yang mengakibatkan 70 orang para huffaz mati syahid. Atas kebimbangan terhadap kedudukan al-Qur’ān, ia mula ditulis dan dikumpulkan secara tersusun. Ia seterusnya ditulis di atas satu *sahifah* ketika di zaman Saidina Umar, khalifah Islam kedua.⁴

Sehinggalah pada zaman pemerintahan Saidina ‘Uthmān, berlaku ketegangan di kalangan umat Islam mengenai kaedah bacaan al-Qur’ān yang betul. Al-Qur’ān telah diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dalam tujuh cara bacaan atau disebut sebagai *qira’āt al-sab‘ah*. Ia dipelajari oleh para Sahabat yang mana sebahagiannya dilantik menjadi gabenor dan dihantar ke negara-negara lain bagi membimbing umat Islam membaca al Qur’ān. Peluasan kuasa Islam ketika pemerintahan Khalifah Umar dan ‘Uthmān telah menyebabkan perkembangan ilmu al-Qur’ān ini yang mana ia dibaca mengikut kaedah bacaan gabenor-gabenor tersebut. Contohnya, ahli Syam membaca dengan bacaan Ubai bin Ka‘ab, ahli Kufah membaca dengan bacaan AbduLlāh bin Mas‘ūd dan ahli Baṣrah mengikut bacaan Abū Mūsa al-Ash‘ari.⁵

Walau bagaimanapun, perbezaan bacaan ini telah mengundang pertelingkahan dan fitnah yang berlaku semakin meruncing. Saidina ‘Uthmān RA telah memerintahkan supaya hanya satu kaedah bacaan dikekalkan dalam penulisan dan enam bentuk penulisan lain dilupuskan.

حَدَّثَنَا أَبُو شَهَابٍ، أَنَّ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ، حَدَّثَهُ: أَنَّ حُذَيْفَةَ بْنَ الْيَمَانِ، قَدِمَ عَلَى عُمَانَ
وَكَانَ يُعَازِي أَهْلَ الشَّامِ فِي فَتْحِ أَرْمِينِيَةَ، وَأَذْرَبِيحَانَ مَعَ أَهْلِ الْعِرَاقِ، فَأَفْرَعُ حُذَيْفَةَ

³ Jalaluddin al-Suyuti, Abdul Rahman bin Abu Bakar, 1974, *Al-Itqān fi Ulūm al-Qur’ān*, sunt. Muhammad Abu al-Fadhil Ibrahim. Mesir: al-Hai`ah al-Misriyyah al-Ammah li al-Kitab, jil. 1, hlm. 207

⁴ Jalaluddin al-Suyuti, 1974, jil. 1, hlm. 208

⁵ Akram Abdun Khalifah Hammad al-Dalimi, 2006, *Jāmi‘ al-Qur’ān*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, hlm. 178

اِخْتَلَفُوهُمْ فِي الْقِرَاءَةِ، فَقَالَ حُذَيْفَةُ لِعُثْمَانَ: يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ، أَدْرَكَ هَذِهِ الْأُمَّةَ، قَبْلَ أَنْ يَخْتَلِفُوا فِي الْكِتَابِ اِخْتِلَافَ الْيَهُودِ وَالنَّصَارَى، فَأَرْسَلَ عُثْمَانُ إِلَى حَفْصَةَ: «أَنْ أَرْسِلِي إِلَيْنَا بِالصُّحُفِ نَنْسُخُهَا فِي الْمَصَاحِفِ، ثُمَّ نَرُدُّهَا إِلَيْكَ»، فَأَرْسَلَتْ بِهَا حَفْصَةُ إِلَى عُثْمَانَ، فَأَمَرَ زَيْدَ بْنَ ثَابِتٍ، وَعَبْدَ اللَّهِ بْنَ الزُّبَيْرِ، وَسَعِيدَ بْنَ الْعَاصِ، وَعَبْدَ الرَّحْمَنِ بْنَ الْحَارِثِ بْنَ هِشَامٍ فَنَسَخُوهَا فِي الْمَصَاحِفِ"، وَقَالَ عُثْمَانُ لِلرَّهْطِ الْقُرَشِيِّينَ الثَّلَاثَةِ: «إِذَا اِخْتَلَفْتُمْ أَنْتُمْ وَزَيْدٌ بْنُ ثَابِتٍ فِي شَيْءٍ مِنَ الْقُرْآنِ فَارْتَبِعُوهُ بِلسَانِ قُرَيْشٍ، فَإِنَّمَا نَزَلَ بِلِسَانِهِمْ» فَفَعَلُوا حَتَّى إِذَا نَسَخُوا الصُّحُفَ فِي الْمَصَاحِفِ، رَدَّ عُثْمَانُ الصُّحُفَ إِلَى حَفْصَةَ، وَأَرْسَلَ إِلَى كُلِّ أَقْصَى بِمُصْحَفٍ مِمَّا نَسَخُوا، وَأَمَرَ بِمَا سِوَاهُ مِنَ الْقُرْآنِ فِي كُلِّ صَحِيفَةٍ أَوْ مُصْحَفٍ، أَنْ يُحْرَقَ⁶

Maksudnya: Diceritakan oleh Ibn Shihab bahawa sesungguhnya Anas bin Malik menceritakan kepadanya, “Sesungguhnya Huzaifah bin al-Yaman mengadap ‘Uthmān ketika beliau menyertai ahli Syam dalam perang Arminiah dan Azerbaijan bersama ahli Iraq. Huzaifah terkejut dengan perselisihan (di kalangan ahli Syam dan ahli Iraq) mengenai bacaan al-Qur’ān mereka. Huzaifah berkata kepada ‘Uthmān, “Wahai Amir al-Mukminin, sedarkanlah umat ini sebelum mereka berselisih mengenai al-Qur’ān sepertimana berselisihnya kaum Yahudi dan Nasrani”. Maka ‘Uthmān menghantar perutusan kepada Hafsa (dengan berkata), “Hantarkanlah kepada kami suhuf al-Qur’ān untuk kami tulis semula mashaf al Qur’ān. Kami akan kembalikannya kepada kamu (selepas itu)”. Maka Hafsa menghantar kepada ‘Uthmān suhuf tersebut. ‘Uthmān kemudiannya mengarahkan Zaid bin Thabit, Abdullah bin Zubair, Sa’id bin al-‘As dan Abdul Rahman bin al-Harith bin Hisham untuk mereka menulis semula ayat-ayat al-Qur’ān dalam mashaf. ‘Uthmān berkata kepada tiga orang Quraish, “Jika kamu berselisih pendapat dengan Zaid bin Thabit tentang sesuatu di dalam al Qur’ān, tulislah ia dengan bahasa Quraish. Ini kerana sesungguhnya al-Qur’ān diturunkan dengan bahasa mereka.” Lalu mereka melakukan sedemikian sehingga selesai salinan suhuf tersebut ke dalam mashaf. Setelah itu, ‘Uthmān mengembalikan suhuf tersebut kepada Hafsa dan beliau mengutuskan mashaf-mashaf yang telah ditulis tersebut ke seluruh pelusuk (Negara Islam). Beliau kemudiannya mengarahkan supaya semua mashaf yang lain dibakar.”

Athar yang direkodkan oleh Imam al-Bukhari lengkap menceritakan perihal pembukuan al-Qur’ān di zaman Khalifah ‘Uthmān RA dan bagaimana *ṣaḥīfah* atau mashaf yang lain dituntut untuk dilupuskan. Khalifah ‘Uthmān menetapkan agar mashaf-mashaf lain yang berbeza

⁶ Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, 1422H, *Al-Jāmi’ al-Musnād al-Ṣaḥīh al-Mukhtaṣar Min Umūr Rasūlullāh SAW wa Sunānih wa Ayyāmih*, sunt. Muhammad Zuhair bin Nasir, t. tp., Dar Tawq al-Najah, jil. 6, hlm. 183 – 184.

dengan apa yang ditulis oleh jawatankuasa yang dilantik dilupuskan melalui kaedah pembakaran. Persoalannya adakah tindakan Khalifah ‘Uthmān boleh dijadikan sandaran keharusan pembakaran mashaf al-Qur’ān ketika tiada nas al-Qur’ān atau hadith Rasulullah SAW yang mengesahkannya?

Dalam perbahasan ilmu *usul al-fiqh*, pandangan para sahabat atau *qawl al-ṣaḥābiy* merupakan salah satu sumber ijtihad dalam pengeluaran hukum. Para sahabat dirujuk sebagai mereka yang telah menyaksikan Rasulullah SAW, mengimani Baginda SAW dan hidup sezaman sehingga secara urufnya dikenali sebagai sahabat seperti *khulafā’ al-rāshidin*, ‘AbdulLāh bin ‘Abbās, ‘AbdulLāh bin Mas`ūd dan mereka yang lain yang beriman dengan Baginda SAW, membantunya, mendengar perkataannya dan mendapat petunjuk daripadanya.⁷

Pandangan para sahabat diambil apabila tiada nas berkaitan sesuatu perkara ditemui dalam al-Qur’ān, hadith mahupun *ijmā’*. Ia juga dijadikan rujukan sekiranya pandangan atau amalan mereka tidak bercanggah dengan mana-mana nas yang lain yang lebih muktabar. Maka dalam keadaan seperti ini, pengambilan pandangan para sahabat adalah lebih diutamakan. Justeru tidak hairanlah amalan Khalifah ‘Uthmān yang membakar mashaf-mashaf lain boleh diterima pakai.

وَمِنْ طَرِيقِ مُصَعَبِ بْنِ سَعْدٍ قَالَ أَدْرَكْتُ النَّاسَ مُتَوَافِرِينَ حِينَ حَرَّقَ عُثْمَانُ
الْمَصَاحِفَ فَأَعْجَبَهُمْ ذَلِكَ أَوْ قَالَ لَمْ يُنْكِرْ ذَلِكَ مِنْهُمْ أَحَدٌ⁸

Maksudnya: Daripada Mus’ab bin Sa’id, beliau berkata, “Aku mengetahui ramai yang berkumpul ketika ‘Uthmān membakar mashaf-mashaf tersebut dan menyebabkan mereka terpana”. Beliau berkata lagi, “Tiada seorang pun yang membantah”.

Ibn Hajar al-‘Asqalāni merekodkan lagi dalam kitabnya *Fath al-Bāri Syarḥ Ṣaḥiḥ al-Bukhāri* bahawa:

سُوَيْدُ بْنُ غَفَلَةَ قَالَ قَالَ عَلِيٌّ لَأَقُولُوا فِي عُثْمَانَ إِلَّا خَيْرًا فَوَاللَّهِ مَا فَعَلَ الَّذِي فَعَلَ
فِي الْمَصَاحِفِ إِلَّا عَنِّ مَلَأَ مِنَّا قَالَ مَا تَقُولُونَ فِي هَذِهِ الْقِرَاءَةِ لَقَدْ بَلَّغَنِي أَنَّ

⁷ Abdul Karim Zaidan, 2003, *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Mu`assasah al-Risalah, hlm. 260

⁸ Ibn Hajar al-Asqalani, Ahmad bin Ali, 1379H, *Fath al-Bāri Syarḥ Ṣaḥiḥ al-Bukhāri*, Beirut: Dar al-Ma`rifah, jil. 9, hlm. 21

بَعْضُهُمْ يَقُولُ إِنَّ قِرَاءَتِي خَيْرٌ مِنْ قِرَاءَتِكَ وَهَذَا يَكَادُ أَنْ يَكُونَ كُفْرًا قُلْنَا فَمَا تَرَى
 قَالَ أَرَى أَنْ نَجْمَعَ النَّاسَ عَلَى مُصْحَفٍ وَاحِدٍ فَلَا تَكُونُ فُرْقَةً وَلَا اخْتِلَافٌ قُلْنَا فَنَعَمْ
 مَا رَأَيْتَ⁹

Maksudnya: Su`aid bin Ghafalah berkata, Ali berkata, “Janganlah kamu berkata sesuatu mengenai ‘Uthmān melainkan perkara kebaikan. Demi Allah apa yang dilakukan olehnya mengenai mashaf-mashaf itu adalah untuk kita semua.” Beliau berkata lagi, “Apa yang kamu katakan tentang bacaan (al-Qur’ān) telah sampai kepada ku. Telah sampai kepadaku bahawa sebahagian kamu mengatakan bahawa, “Bacaan aku lebih baik daripada bacaan kamu” dan kata-kata itu hampir menyebabkan kekufuran.” Kami berkata, “Jadi apa pandangan kamu?” Beliau berkata, “Aku melihat ia adalah untuk menyatukan manusia dengan satu mashaf yang sama. Maka tidak berlaku perpecahan dan perselisihan.” Lalu kami berkata, “Alangkah bagusny pandangan kamu.”

Ketiadaan bantahan daripada para sahabat yang lain ketika itu menunjukkan ia adalah persetujuan secara tidak langsung atau secara diam oleh para sahabat yang lain. Ia turut disebut dalam disiplin ilmu *uṣūl al-fiqh* sebagai *al-ijmā’ al-sukūti* dan diterima sebagai hujah dalam pandangan yang *rājiḥ* di kalangan para ulama.¹⁰ Sehubungan dengan itu, ulama sepakat mengenai keharusan pelupusan al-Qur’ān melalui kaedah pembakaran.

Terdapat dua pandangan mengenai kaedah pelupusan yang digunakan iaitu:

1. Pandangan pertama menyatakan bahawa pelupusannya berlaku melalui kaedah pembakaran (*yuhriq*).
2. Manakala pandangan kedua menyatakan bahawa ia dikoyak atau dicarik (*yukhriq*).

Dalam satu riwayat yang lain, dinyatakan bahawa Saidina ‘Uthmān menjelaskan bahawa beliau telah melupuskan (*maḥawtu*) apa yang ada padanya. Kalimah *maḥawtu* atau *al-maḥw* membawa pengertian yang lebih luas iaitu mencuci atau membakar. Terdapat juga pandangan bahawa kedua-dua kaedah digunakan iaitu dengan mencuci terlebih dahulu kemudian dibakar. Namun, menurut Ibn Hajar al-‘Asqalāni, daripada pernyataan Shu’aib melalui hadith Abū Dāud dan al-Tabrāni serta lain-lain, ia dibakar dengan api ketika itu. Ia adalah pandangan yang lebih banyak dan jelas.¹¹

⁹ Ibn Hajar al-Asqalani, Ahmad bin Ali, 1379H, jil. 9, hlm. 21

¹⁰ Al-Minyawi, Mahmud bin Muhammad, 2011, *Al-Tamhid Sharh Mukhtasar al-Uṣul min Ilm al-Uṣul*, Mesir: al-Maktabah al-Shamilah, hlm. 83

¹¹ Ibn Hajar al-Asqalani, Ahmad bin Ali, 1379H, jil. 9, hlm. 21

Menurut Ibn Battal, harus dibakar sesebuah kitab yang terdapat di dalamnya nama Allah demi memuliakannya dan memeliharanya daripada terpijak. Begitu juga disebutkan oleh Abdul Razak melalui Tawus bahawa surat-surat yang mengandungi *basmalah* turut dibakar untuk dilupuskan. Namun, kaedah yang lebih utama menurut Ibn Hajar al-Asqalani ialah dengan mencucinya sehingga hilang tulisan tersebut.¹²

Para ulama mazhab Shafie seperti Ibn Abd al-Salam, Zakaria al-Anṣārī, Ibn Hajar al-Haitami dan al-Bujairami mengambil pendekatan Khalifah ‘Uthmān sebagai sandaran dalam mengharuskan kaedah pembakaran bagi melupuskan kertas yang mengandungi penulisan al-Qur’ān atau *basmalah* demi memelihara kemuliaannya. Pembakaran dengan niat selain daripada memelihara kemuliaannya adalah diharamkan. Mereka juga berpandangan bahawa selain kaedah pembakaran, kaedah cucian juga boleh digunakan untuk menanggalkan tulisan tersebut dengan syarat ia tidak dilakukan di atas lantai. Manakala kaedah carikan adalah tidak dibolehkan kerana dibimbangi terputus huruf dan perkataan yang boleh membawa penghinaan terhadap apa yang tertulis pada kertas tersebut.¹³

Pandangan Hukum dan Fatwa di Malaysia berkaitan Pelupusan al-Qur’ān

Berdasarkan perbahasan para ulama mengenai perkara ini, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-30 telah bersidang pada 22 Ogos 1992 dan memutuskan bahawa:

1. “Al-Qur’ān yang rosak, koyak, yang tidak lagi boleh dibaca dan yang bukan Rasm ‘Uthmāni hendaklah dilupuskan.
2. Kaedah pelupusan ialah dibakar di tempat yang dikawal dan ditanam di tempat yang dikawal.
3. Kerja-kerja pelupusan hendaklah dipertanggungjawabkan kepada urus setia atau Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri serta dilakukan dengan cara tersembunyi demi mengelakkan salah faham orang ramai.”¹⁴

¹² *Ibid.*

¹³ Zakaria al-Ansari, t.t., *Asna al-Matalib fi Sharh Raudh al-Talib*, t.tp., Dar al-Kutub al-Islami, jil. 1, hlm. 62; Ibn Hajar al-Haitami, Ahmad bin Muhammad, 1983, *Tuhfah al-Muhtaj fi Sharh al-Minhaj wa Hawasyi al-Shirwani*, Mesir, al-Maktabah al-Tijariyah al-Kubra, jil. 1, hlm. 155; al-Bujairami, Sulaiman bin Muhammad, 1995, *Hashiah al-Bujairami ‘ala al-Khatib*, Beirut, Dar al-Fikr, jil. 1, hlm. 372

¹⁴ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010, *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*, Putrajaya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, hlm. 126

Keputusan ini dijadikan sandaran bagi prosedur penetapan perundangan dan pelaksanaan kaedah pelupusan al-Qur'ān mengikut syarak.¹⁵ Selaras dengan perkembangan teknologi pada hari ini, mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor (MJKFNS) kali ke-4/2015 yang bersidang pada 19 Oktober 2015 bersamaan 6 Muharram 1437H telah membincangkan berkaitan Fatwa Pelupusan Al-Quran dan Bahan Cetakan Agama Berteknologi Hijau Melalui Proses 'Deinking'. Proses *deinking* merujuk kepada proses pemisahan tinta dan bahan bukan bukan serat daripada kertas. Mesyuarat tersebut memutuskan bahawa “harus melupuskan al-Quran dan bahan cetakan agama melalui proses 'Deinking'.”¹⁶

Pada 15 Mac 2016, Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor pula membuat keputusan yang lebih menyeluruh seperti yang berikut:

“Kaedah untuk melupuskan bahan terbitan yang mengandungi ayat-ayat al-Quran dan hadis adalah seperti berikut:

1. Dengan cara membasuh tulisan ayat-ayat al-Quran dan hadis menggunakan air dan seterusnya air tersebut dibuang ke dalam sungai atau laut atau;
2. Dengan cara membakar bahan-bahan terbitan yang mengandungi tulisan ayat-ayat al-Quran dan hadis sebagaimana ketetapan berikut:
 - a) Bahan yang mengandungi ayat-ayat al-Quran dan hadis yang dibakar hendaklah menyeluruh tanpa tertinggal mana-mana bahagian yang tidak terbakar.
 - b) Bahan-bahan atau debu yang mengandungi ayat-ayat suci al-Quran dan hadis yang telah dibakar hendaklah dipastikan dikumpul supaya tidak ditiup angin atau bersepah.
 - c) Bahan yang telah dibakar hendaklah ditanam pada tempat yang bersih atau tempat yang tidak dilalui orang atau dibuang kedalam laut atau sungai yang mengalir airnya.
 - d) Kerja-kerja pembakaran hendaklah dikawal selia oleh pegawai jabatan agama atau pihak yang mahu melupuskan bahan-bahan tersebut.
3. Dengan cara melalui proses berteknologi hijau yang dikenali sebagai “*deinking*”.”¹⁷

Kaedah Pelupusan Teks atau Bahan al-Qur'ān di Malaysia

¹⁵ Garis Panduan Pembuatan, Pengendalian, Penjualan Dan Pelupusan Bahan-bahan Penerbitan Dan Perhiasan Yang Mengandungi Ayat-ayat Suci Al-Quran, 2008. Putrajaya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, hlm. 10

¹⁶ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Kaedah Pelupusan Al-Quran Dan Bahan Terbitan Yang Mengandungi Ayat-Ayat Al-Quran Dan Hadis’, *Sumber Maklumat al-Ahkam al-Fiqhiyyah (e-SMAF)*, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1>. Dilayari pada 28 Disember 2018.

¹⁷ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Fatwa Pelupusan Al-Quran Dan Bahan Cetakan Agama Berteknologi Hijau Melalui Proses 'Deinking'’, *Sumber Maklumat al-Ahkam al-Fiqhiyyah (e-SMAF)*, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1>. Dilayari pada 28 Disember 2018.

Di Malaysia, tidak timbul sebarang isu mengenai kaedah ini. Namun begitu, masih terdapat segelintir pihak yang tidak mengetahui cara terbaik untuk melupuskannya. Menyedari hal ini, berdasarkan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI, satu garis panduan di peringkat kerajaan pusat telah dibangunkan sebagai panduan dalam mengendalikan al-Qur'ān dan bahan bercetak dengan teks al-Qur'ān untuk dilupuskan. Justeru tidak hairanlah semua negeri di Malaysia telah menggunakan kaedah tersebut setelah sekian lama.

Perkara ini turut diwartakan dalam Akta Percetakan Teks al-Qur'ān yang jelas menyatakan bahawa:

“Amalan ini bukan sahaja dapat menjaga kesucian al-Qur'ān tetapi secara tidak langsung ia mencetuskan idea inovatif di peringkat institusi pengajian tinggi dalam menghasilkan peralatan yang terbaik untuk proses pembakaran demi menjaga kualiti alam sekitar, menjimatkan masa dan mengurangkan kos pengurusannya.”¹⁸

Pada awalnya, tanggungjawab melupuskan teks atau bahan al-Qur'ān diletakkan ke atas pihak pencetak dan dinyatakan seperti berikut:

“Bahan buangan daripada pencetakan teks Al-Qur'ān atau bahan Al-Qur'ān

11 (1) Bahan buangan daripada pencetakan teks Al-Qur'ān atau bahan Al-Qur'ān telah memperuntukkan bahawa; “Seseorang yang mencetak sesuatu teks Al-Qur'ān atau bahan Al-Qur'ān hendaklah mengambil semua langkah yang perlu untuk memastikan bahawa apa-apa bahan buangan yang di atasnya tercetak atau terdapat sesuatu Ayat Al-Qur'ān dimusnahkan dengan serta-merta dengan membakarnya di suatu tempat bertutup yang tidak dapat dimasuki oleh orang awam dan tidak meninggalkan premis pencetakan itu dengan apa-apa cara pun, kecuali semasa ia dipindahkan ke suatu tempat untuk dimusnahkan sebagaimana yang tersebut dahulu”.¹⁹

Persidangan Ketua-Ketua Jabatan/ Majlis Agama Islam Negeri (PKJ) Seluruh Malaysia Kali Ke-88 anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertarikh 6 hingga 8 April 2012 di Hotel Seafest Semporna, Sabah telah membincangkan cadangan keperluan mewujudkan tapak atau tempat pelupusan teks atau bahan al-Qur'ān di setiap negeri. Rentetan keputusan mesyuarat tersebut, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) seperti Terengganu, Selangor, Johor

¹⁸ Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986, 2008

¹⁹ *Ibid.*, hlm. 12

dan Perak telah memulakan inisiatif menjalankan aktiviti pelupusan teks atau bahan al-Quran berpandukan undang-undang dan keputusan fatwa yang berkuatkuasa.

Contohnya, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) melupuskan al-Qur'ān lama atau rosak dengan kaedah pembakaran al-Qur'ān menggunakan relau sedia ada dan menukarkan abu kepada bentuk kiub secara serentak dengan kerja pembakaran. Ia merupakan satu inovasi dengan menukarkan abu al-Qur'ān tersebut ke dalam bentuk kiub demi menjaga kualiti alam sekitar. Kiub tersebut seterusnya dilupuskan ke laut. Melalui kaedah ini JHEAT dapat membuat penjimatan kos hampir RM1.5 juta berbanding menyerahkannya kepada pusat pelupusan swasta.²⁰

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pula ketika itu secara langsung menguruskan pelupusan teks al-Qur'ān atau bahan al-Qur'ān dengan kerjasama syarikat vendor kepada kontrak pelupusan untuk Kementerian Dalam Negeri bermula tahun 2012 hingga 2013. Walau bagaimanapun isu lambakan teks al-Qur'ān atau bahan al-Qur'ān tersebut berterusan melibatkan semua daerah di negeri Selangor dan kos perbelanjaan semakin meningkat. Beberapa buah Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) seperti Kuala Langat, Sepang, Kuala Selangor dan Hulu Langat telah mengambil inisiatif melakukan pembakaran secara manual menggunakan tong drum dan bahan bakar asas (minyak tanah). Walau bagaimanapun, kaedah ini dilihat tidak begitu efisien, memerlukan banyak tenaga dan masa berbanding dengan keperluan semasa yang semakin bertambah serta kritikal.²¹ Pembelian dua buah relau pada tahun 2014 seterusnya telah dilaksanakan dengan memanfaatkan inovasi pembuatan kebuk oleh kumpulan penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam yang diketuai oleh Ir. Hj. Razali bin Hasan.

²⁰ Balqis Jazimah Zahari, 'Jimat RM 1.5j Urus Proses Lupus al-Quran', *Harian Metro*, 28 November 2016. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2016/11/185095/jimat-rm15j-urus-proses-lupus-al-quran-metrotv>. Dilayari pada 23 Mei 2018

²¹ Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Relau, 2015. Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor. Berita lain bertajuk 'JAIS Laksana Pelupusan Al-Quran Guna Teknologi Terkini' di *Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor*, 6 Julai 2015. <https://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/991>. Dilayari pada 3 Julai 2017

Meskipun kebuk pembakaran tersebut merupakan sebuah mesin mekanikal bukan automatik, inovasinya dilihat sangat praktikal untuk diaplikasikan oleh JAIS.²² Ia terbukti dapat menjimatkan satu langkah iaitu langkah terakhir dalam pengurusan pelupusan teks al Quran; pembuangan abu ke laut. Ini disebabkan hasil akhir bahan yang dilupuskan telah ditukarkan kepada bentuk cecair. Aplikasi kaedah relau tersebut sebelum ini telah mendapatkan pandangan melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali 3/ 2014 yang bersidang pada 20 Ogos 2014 bersamaan 24 Syawal 1435 iaitu:

“mengharuskan hasil pelupusan naskhah Al-Qur’ān yang rosak, usang dan tidak mengikut Rasm ‘‘Uthmāni dengan kaedah ditukarkan dalam bentuk cecair’’²³.

Seterusnya berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali 4/ 2014 yang bersidang pada 16 Disember 2014 bersamaan 23 Safar 1436:

“harus untuk dialirkan cecair tersebut ke longkang”

Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) juga turut memanfaatkan inovasi pembuatan kebuk yang sama oleh Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam. Teknologi ini mampu memerangkap abu daripada berterbangan sebelum dialirkan ke sungai. Ia juga dapat menjimatkan masa dan kos pelupusan.²⁴ Usaha seumpama ini memerlukan kerjasama pelbagai pihak berautoriti yang lain seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi memastikan keseimbangan ekologi tidak terjejas. Selain itu, pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) juga dilibatkan dalam proses pembuangan abu ke laut lepas; dengan menggunakan bantuan kegunaan bot atau kapal maritim.

²² Kumpulan *Iqra'* dari JAIS telah menyertai Pertandingan *My Innovation* peringkat negeri Selangor pada 9 Oktober 2015. Ia dianggotai oleh Siti Nur Hidayah Kusnin, Siti Khadijah Abd. Wahid, Muhammad Taufiq Nordin, Zulhelmi Zailan, Mohamad Nazar Mohamad Yunus, Mohd Zaki Selamat dan Siti Murni Shahrom. Pembentangan penyelidikan tersebut berdasarkan tema *Syar'ie Compliance Quranic Disposal* (SCQD) dengan mengambil kira kaedah sedia ada oleh JAIS, JHEAT dan Jabatan Agama Johor (JAJ). Namun penyertaan ini tidak terpilih untuk ke peringkat seterusnya.

²³ Relau yang digunakan oleh JAIS adalah hasil ciptaan dan penyelidikan oleh Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam dengan cadangan penambahbaikan dari pihak JAIS. Relau ini merupakan relau pertama di Malaysia yang menggunakan kaedah mesra alam sekitar apabila hasil akhir pelupusan adalah dalam bentuk cecair.

²⁴ Shahrizal Amad Zaini, 'Pusat Pelupusan al-Quran Kini di INTIM', *Sinar Online*, 19 Disember 2017, <http://www.sinarharian.com.my/edisi/perak/pusat-pelupusan-al-quran-kini-di-intim-1.772333>. Dilayari pada 23 Mei 2018

Kesimpulan dan Cadangan

Secara dasarnya, dapat disimpulkan bahawa proses pengurusan pelupusan teks atau bahan al Qurān di Malaysia perlu melalui langkah-langkah berikut:

1. Pengumpulan; *Collection*: Pengumpulan teks atau bahan al Qurān yang rosak, usang atau tidak mengikut rasm ‘Uthmāni di mana-mana pusat yang ditentukan. Langkah pertama ini perlu mengaplikasi sistem ‘FIFO’ (First-In-First-Out) supaya bahan yang lebih awal diterima akan dibakar terlebih dahulu. Pengurusan rekod ini perlu dijalankan oleh kakitangan yang ditugaskan dengan membuat tanda (*tagging*) atau label (*labelling*) bahan mengikut tarikh terima. Caj perkhidmatan (sekiranya ada) akan dikenakan mengikut timbangan jumlah berat bahan (kilogram) bagi menampung kos bahan seperti penggunaan tong, pembelian bahan bakar dan sebagainya.
2. Pengasingan; *Sorting*: Pengasingan teks atau bahan mengikut jenis sama ada mengasingkannya mengikut jenis kertas ataupun keadaan bahan. Oleh kerana setiap jenis bahan adalah berbeza daripada jenis kertas (simili, *glossy*) dan sebagainya, ia perlu dibakar secara berasingan bagi memastikan pembakaran sempurna. Sekiranya bahan yang diterima berada dalam keadaan sangat usang atau dimakan anai-anai, ia perlu dilupuskan segera.
3. Pembakaran; *Burning*: Pembakaran dijalankan dengan menggunakan kaedah sedia ada secara manual atau menggunakan relau. Pembakaran haruslah dibuat secara sempurna, sehingga bahan bakar menjadi abu putih. Tempoh minimum bagi aktiviti pembakaran adalah tujuh (7) jam secara berterusan. Petugas yang mengendalikannya juga perlu mematuhi arahan keselamatan dengan memakai pakaian khas.
4. Penyimpanan; *Storing*: Bahan yang telah siap dibakar sehingga abu putih perlu disimpan di dalam bekas atau peralatan khas yang ditetapkan. Antaranya ialah plastik atau guni ataupun bekas simpanan tertutup. Kaedah lain yang boleh dipraktikkan, ialah dengan membancuhkan abu putih tersebut dengan air. Seterusnya ia perlu dijemur sehingga kering ataupun dikepal supaya memudahkan penyimpanan dan juga untuk langkah seterusnya; pembuangan ke laut. Bagi relau di JAIS dan JAIPk, hasil akhir adalah dalam bentuk cecair dan memadai ia dialirkan ke longkang yang akan terus mengalir ke laut.
5. Pembuangan; *Discharge*: Proses discaj atau pembuangan adalah langkah terakhir dalam pengurusan pelupusan teks atau bahan al Qurān. Bagi menyempurnakan proses

ini, petugas yang dipertanggungjawabkan perlu membawa kesemua bahan yang telah selesai dibakar untuk dibuang ke laut. Pihak berautoriti telah mensyaratkan supaya bahan yang dibuang perlu mematuhi jarak selamat dari pantai iaitu tiga (3) batu nautika; bersamaan dengan 5.556 km. Pihak yang ditugaskan untuk membuang bahan ke laut juga perlu mematuhi peraturan lain seperti memohon kebenaran menggunakan kapal²⁵ melalui perairan Malaysia²⁶.

Dalam menggalas tugas menguruskan pelupusan teks atau bahan al Qurān, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan bagi memastikan ia dijalankan dengan lebih sistematik. Antaranya ialah:

1. Mewujudkan pusat pelupusan berpusat dengan mempunyai ciri-ciri berikut:
 - a) mempunyai insinerator²⁷ dengan teknologi tinggi yang mampu menampung kekerapan tinggi aktiviti pembakaran
 - b) ruang penyimpanan atau stor yang boleh memuatkan penyimpanan jumlah penerimaan bahan secara besar-besaran.
 - c) petugas tetap yang memfokuskan kepada pengurusan pelupusan teks atau bahan al Qurān.

2. Mendidik masyarakat Islam mahupun bukan Islam mengenai keperluan mengendalikan pelupusan teks atau bahan al Qurān dengan betul²⁸ dengan program berikut:

²⁵ Pihak APMM juga sentiasa memberikan kerjasama yang baik dalam membantu pihak JAIN melaksanakan pembuangan abu ke laut.

²⁶ Pihak yang bertanggungjawab membuang bahan ke laut perlu memohon kebenaran menggunakan kapal melalui perairan Malaysia iaitu 'Borang Permohonan Perakuan Kepatuhan (Statement Of Compliance) ISPS' atau *Statement Of Compliance ISPS Application Form* di pautan http://www.marine.gov.my/jlm/pic/article/BORANG_PERMOHONAN_SOC_ver1-2016.pdf. Lebih lanjut lihat web Jabatan Laut Malaysia <http://www.marine.gov.my/>

²⁷ Perlu dibuat kajian mengenai insinerator yang boleh memenuhi spesifikasi yang disebut, antaranya ialah mampu membakar sehingga tempoh tertentu atau mempunyai suhu membakar tertentu, dalam masa yang sama ia adalah mesra alam. Sehingga artikel ini ditulis, terdapat beberapa pusat pelupusan swasta yang masih aktif beroperasi seperti Percetakan Saufi Sdn. Bhd; Cheras. Selain itu, beberapa buah masjid, Pihak Berkuasa Tempatan atau NGO juga telah memulakan inisiatif membuat pengumpulan dan pelupusan teks atau bahan al Qurān seperti Masjid Daerah Seberang Perai Selatan, Masjid Sultan Ibrahim; Muar, Surau Al Hijrah; Sepang, Koperasi Masjid Perak Berhad; Ipoh, Masjid al Azim; Pandan Indah, Majlis Perbandaran Klang (MPK), Biro Amal Peluk Qurān dan juga Persatuan Qiraat Malaysia (PQM); Rawang.

²⁸ Berita yang pernah dilaporkan seperti "Al-Qur'an dibuang di tempat pembuangan sampah haram" Sinar Harian 20 Mac 2014 dan "Al-Qur'an Dibuang di Bangsal Lembu" Berita Harian 28 Sept 2010 ini tidak akan berulang sekiranya terdapat kesedaran umum di kalangan masyarakat Islam mahupun bukan Islam dalam melupuskan teks atau bahan al Qurān.

- a) Menjalinkan kerjasama dengan pihak swasta, NGO dan juga universiti awam mahupun swasta dalam program kesedaran umum beserta praktikal.
- b) Menggalakkan pihak institusi Islam seperti masjid atau surau mengurus pelupusan dengan nasihat dan bimbingan dari Pegawai JAIN.

Bagi merealisasikan dua cadangan di atas, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) boleh mempertimbangkan keperluan menambahbaik garis panduan pelupusan teks atau bahan al-Qurān terutamanya dari aspek teknikal yang hanya dipertanggungjawabkan ke JAIN. Sebagai contoh, menyeragamkan prosedur pengurusan bermula daripada proses penerimaan sehingga pembuangan abu. Senarai peraturan dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa serta keputusan fatwa juga perlu dibuat hebahan ke semua negeri di Malaysia melalui edaran rasmi; meskipun ia boleh diakses dengan mudah secara atas talian.

Penutup

Kaedah pelupusan al-Quran yang tidak lagi boleh digunakan adalah suatu kaedah yang berasaskan syarak demi memelihara kesuciannya daripada diabaikan begitu sahaja. Pengurusan pelupusan al-Quran yang dilaksanakan pada hari ini adalah manifestasi pensyariatatan yang diterjemahkan dalam bentuk operasi. Rumusan realiti aplikasi pengurusan pelupusan teks atau bahan al Qurān di Malaysia ini ditulis berdasarkan pemerhatian dan pengalaman sebenar penulis. Selepas beberapa tahun semua kaedah di atas diamalkan, ia dilihat mempunyai prospek yang baik; berdasarkan penyelidikan sains dan teknologi yang boleh digabungjalinkan dalam pengurusan Islam berasaskan ketetapan syarak. Penyelidikan berterusan mampu melancarkan pengurusan hal ehwal Islam dan menjamin kemaslahatan masyarakat Islam di Malaysia.

Bibliografi

- Abdullah Basmeih, 2014, *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*, cet. 14. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Abdul Karim Zaidan, 2003, *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Mu`assasah al-Risalah
- Akram Abdun Khalifah Hammad al-Dalimi, 2006, *Jāmi Al-Qur`ān*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah
- Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986, cet. 2008
- Al-Bujairami, Sulaiman bin Muhammad, 1995, *Hashiah al-Bujairami 'ala al-Khatib*, Beirut, Dar al-Fikr, jil. 1
- Balqis Jazimah Zahari, 'Jimat RM 1.5j Urus Proses Lupus al-Quran', *Harian Metro*, 28 November 2016. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2016/11/185095/jimat-rm15j-urus-proses-lupus-al-quran-metrov>
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, 1422H, *Al-Jāmi' al-Musnād al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar Min Umūr Rasūlullāh SAW wa Sunānih wa Ayyāmih*, sunt. Muhammad Zuhair bin Nasir, t. tp., Dar Tawq al-Najah, jil. 6
- Ibn Hajar al-Asqalani, Ahmad bin Ali, 1379H, *Fath al-Bāri Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhāri*, Beirut: Dar al-Ma'rifah, jil. 9
- Ibn Hajar al-Haitami, Ahmad bin Muhammad, 1983, *Tuhfah al-Muhtaj fi Sharh al-Minhaj wa Hawasyi al-Shirwani*, Mesir, al-Maktabah al-Tijariyah al-Kubra, jil. 1
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 'Fatwa Pelupusan Al-Quran Dan Bahan Cetakan Agama Berteknologi Hijau Melalui Proses 'Deinking'', *Sumber Maklumat al-Ahkam al-Fiqhiyyah (e-SMAF)*, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1>
- _____, *Garis Panduan Pembuatan, Pengendalian, Penjualan Dan Pelupusan Bahan-bahan Penerbitan Dan Perhiasan Yang Mengandungi Ayat-ayat Suci Al-Quran*, 2008. Putrajaya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- _____, 'Kaedah Pelupusan Al-Quran Dan Bahan Terbitan Yang Mengandungi Ayat-Ayat Al-Quran Dan Hadis', *Sumber Maklumat al-Ahkam al-Fiqhiyyah (e-SMAF)*, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1>
- _____, 2010, *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*, Putrajaya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Jalaluddin al-Suyuti, Abdul Rahman bin Abu Bakar, 1974, *Al-Itqān fi Ulūm al-Qur`ān*, sunt. Muhammad Abu al-Fadhil Ibrahim. Mesir: al-Hai`ah al-Misriyyah al-Ammah li al-Kitab, jil. 1

Al-Minyawi, Mahmud bin Muhammad, 2011, *Al-Tamhid Sharh Mukhtasar al-Usul min Ilm al-Usul*, Mesir: al-Maktabah al-Shamilah

Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Relau, 2015. Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor. Berita lain bertajuk 'JAIS Laksana Pelupusan Al-Quran Guna Teknologi Terkini' di *Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor*, 6 Julai 2015. <https://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/991>

Shahrizal Amad Zaini, 'Pusat Pelupusan al-Quran Kini di INTIM', *Sinar Online*, 19 Disember 2017, <http://www.sinarharian.com.my/edisi/perak/pusat-pelupusan-al-quran-kini-di-intim-1.772333>

Zakaria al-Ansari, t.t., *Asna al-Matalib fi Sharh Raudh al-Talib*, t.tp., Dar al-Kutub al-Islami, jil. 1